

**PARLIMEN MALAYSIA  
PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : Lisan**

**DARIPADA**

**: Tuan Haji Nasruddin bin Hassan [Temerloh]**

**TARIKH : 15 Mac 2016 (Selasa)**

**SOALAN**

**Tuan Haji Nasruddin bin Hassan minta MENTERI  
PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI  
menyatakan  
adakah impak ancaman perubahan iklim  
terhadap sektor pertanian di Malaysia.**

## **JAWAPAN**

**Tuan Yang Dipertua,**

**Perubahan iklim khususnya untuk sektor pertanian merupakan isu global yang dihadapi oleh semua negara di seluruh dunia termasuklah Malaysia.**

**Secara amnya, semua aspek dalam jaminan bekalan makanan dijangka terjejas oleh perubahan iklim. Produktiviti tanaman adalah amat dipengaruhi oleh keadaan *heat stress* dan kemarau. Sebagai contoh, peningkatan suhu melebihi 2°C ke atas dijangka akan mengurangkan pengeluaran padi negara sebanyak 13%. Dalam unjuran yang sama, kejadian banjir dan kemarau di awal musim penanaman padi pula akan mengurangkan hasil sehingga 80%.**

Bagi sektor ternakan pula, perubahan iklim boleh mengakibatkan kesihatan ternakan terjejas disebabkan oleh masalah seperti keletihan, pernafasan dan peningkatan penyakit jantung seterusnya akan menurunkan kadar Produktiviti ternakan tersebut.

**Di bawah sektor perikanan pula, perubahan iklim akan menjejaskan perikanan tangkapan akibat migrasi ikan**

## **JAWAPAN**

**pelagik keluar daripada perairan negara (*feeding migration*).**

**Perubahan iklim juga menyebabkan berlakunya peningkatan suhu dan penurunan kandungan oksigen terlarut dalam air. Faktor tersebut akan menyebabkan ternakan akuakultur senang diserang penyakit.**

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN

LISAN

DARIPADA  
HAJI HUSIN

YB. DR. HAJI IZANI BIN

KAWASAN

TARIKH NO.

PENKALAN CHEPA 15

SOALAN

MAC 2016 (SELASA) 39

SOALAN

YB. DR. HAJI IZANI BIN HAJI HUSIN minta MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI menyatakan :-

- (a) apakah tindakan Kerajaan jika perjanjian Perkongsian Trans Pasifik (TPPA) bercanggah dengan hak istimewa orang Melayu dan enakmen negeri-negeri; dan
- (b) apakah perancangan Kerajaan dan bentuk-bentuk bantuan bagi memajukan syarikat-syarikat bumiputera dan industri kecil supaya mampu bersaing di peringkat antarabangsa terutamanya syarikat daripada negara-negara perjanjian TPP dan apakah usaha Kerajaan bagi mengukuhkan lagi perdagangan dengan negara-negara di bawah perjanjian sedia ada seperti FTA dan sebagainya.

## **JAWAPAN**

Tuan Yang Di Pertua,

Seperti mana yang pernah dijelaskan dalam Dewan ini, TPPA mengiktiraf dasar Bumiputera. Dalam banyak perkara yang berkaitan, Malaysia telah diberi fleksibiliti, tempoh transisi dan pengecualian. Ini terutamanya dilihat dalam Bab Perolehan Kerajaan dan Bab Syarikat Milik Kerajaan. Antara contohnya termasuk:

- i. Dasar 30% *set-aside* khas untuk kontraktor Bumiputera dalam perolehan Kerajaan;
- ii. Kontrak pembiayaan di bawah SDR63 juta (RM315 juta) tidak dibuka kepada negara-negara TPP. Nilai ini akan di turunkan ke paras SDR14 juta atau RM70 juta dalam tempoh 20 tahun;
- iii. Projek kerjasama awam swasta dan Iuar bandar dikecualikan;
- iv. PNB, KWSP, KWAP, LTH, LTAT, MARA, TERAJU dan EKUINAS dikecualikan daripada sebarang disiplin yang dikenakan terhadap Syarikat Milik Kerajaan (SOE) di dalam TPP; dan
- v. Pembelian sebanyak 40% daripada bajet tahunan SOE di khususkan kepada syarikat Bumiputera, IKS, Sabah dan Sarawak.

2. Di samping itu, pengecualian obligasi daripada TPPA juga diberi kepada Kerajaan Negeri / tempatan dari segi kuasa ke atas pentadbiran tanah, perolehan Kerajaan Negeri, dan badan berkanun milikan Kerajaan Negeri. Dalam erti kata lain, TPPA tidak meminda Perlembagaan Malaysia. Begitu juga dengan enakmen dan undang- undang yang lain dalam soal hak keistimewaan Bumiputera.



3. Namun begitu, TPPA akan melibatkan pindaan peraturan di peringkat Pekeliling Perbendaharaan dan Perintah Perbendaharaan yang melibatkan perolehan Kerajaan Persekutuan.

Tuan Yang Dipertua,

4. Mengenai perancangan Kerajaan dan bentuk-bentuk bantuan bagi memajukan syarikat-syarikat bumiputera dan industri kecil, banyak program Kerajaan bersama agensi seperti SMECorp sedang dilaksanakan. Antaranya:

- i. Program Berimpak Tinggi 2 (HIP2: *Technology Commercialisation Platform*) yang menyediakan platform bagi memberi bantuan menyeluruh kepada PKS yang inovatif ke arah pengkomersilan;
- ii. Program Berimpak Tinggi 4 (HIP4: *Going Export (GoEx)*) bagi membantu Pengeksport PKS sedia ada dan Pengeksport baru untuk menembusi pasaran eksport melalui penyediaan dan pelaksanaan pelan eksport;
- iii. Program Berimpak Tinggi 6 (HIP6: *Inclusive Innovation*) bagi membantu kumpulan pendapatan 40% terendah (B40) melalui pendekatan serampang dua mata iaitu inovasi yang tertumpu secara umum dan inovasi daripada akar umbi;
- iv. *Business Accelerator Programme* bertujuan untuk membantu meningkatkan keupayaan perniagaan PKS melalui pelaksanaan projek penambahbaikan seperti peningkatan keupayaan pengeluaran dan operasi, pematuhan Persijilan dan piawaian



**antarabangsa, penyelidikan dan pembangunan produk serta promosi dan Penjenamaan;**

- v. Skim Persijilan *National Mark of Malaysian Brand* pula mengiktiraf produk dan perkhidmatan jenama Malaysia bagi membolehkan mereka meluaskan pasaran di dalam dan luar negara;
  - vi. Enterprise 50 pula merupakan anugerah yang mengiktiraf pencapaian PKS Malaysia yang berdaya saing; dan
  - vii. InnoCERT pula akan mengenalpasti dan membantu PKS yang berinovasi dan berdaya maju menjadi syarikat bertaraf global, di mana bantuan merangkumi keutamaan menyertai latihan dan pendedahan dalam mempromosikan produk dan perkhidmatan, insentif rebat faedah pinjaman dan pengecualian duti bagi pinjaman yang diluluskan di bawah institusi kewangan terpilih.
5. Bagi menghadapi TPPA yang akan dilaksanakan pada tahun 2018, Kerajaan melalui MATRADE turut menyediakan pelbagai program pembangunan kapasiti kepada Pengeksport Malaysia, memperkukuh dan meningkatkan program-program eksport promosi di negara-negara TPPA dan strategi 'outreach' di pasaran sasaran.
6. Untuk tahun 2016, MATRADE telah merancang 150 program di mana 85 adalah program promosi perdagangan dan 65 merupakan program pembangunan Pengeksport. Program berimpak tinggi akan terus dilaksanakan oleh MATRADE bagi membantu PKS Bumiputera, antaranya:

- i. Mid-Tier Companies Development Programme (MTCDP);
- ii. Go-Ex;
- iii. Program Bumiputera, Wanita dan Belia (BWYEDP);
- iv. Best Exporters Programme; dan
- v. eTRADE

5. MATRADE yang berfungsi sebagai 'export solution' juga menyokong pembangunan PKS di Iuar negara melalui pelbagai program dan bantuan dana seperti Geran Pembangunan Pasaran (MDG) dan Dana Eksport Perkhidmatan (SEF).

6. Selain daripada itu, Kerajaan melalui agensi pembiayaan seperti SME Bank, Export-Import Bank of Malaysia Bhd (EXIM Bank), SME Corporation Malaysia dan Unit Peneraju Agenda Bumiputera (TERAJU) bagi membantu Pengeksport khususnya Bumiputera dari segi sokongan kewangan dan pembangunan.

7. PKS Bumiputera juga akan dibantu untuk memasarkan produk mereka di peringkat antarabangsa melalui 46 pejabat MATRADE di Iuar negara.

Tuan Yang Dipertua,

8. PKS Bumiputera yang di tahap 38% daripada keseluruhan 645,000 PKS seluruh negara. Pada masa ini 18% daripada PKS tempatan telah mengeksport di mana 51% adalah dari sektor perkhidmatan dan 48% dari sektor pembuatan. Kerajaan akan meneruskan pelbagai inisiatifnya bagi mempersiapkan Pengeksport PKS terutama Bumiputera, agar mereka lebih bersedia dan berdaya saing untuk pasaran TPPA. Kerajaan sedar program bantuan dan bina



kapasiti satu usaha yang berterusan. Sungguhpun tidak majoriti IKS terlibat secara langsung dalam mengeksport produk dan perkhidmatan mereka pada masa ini, namun Kerajaan percaya adalah penting bagi membantu IKS tempatan supaya terlibat dalam sebahagian daripada rangkaian bekalan produk dan perkhidmatan eksport.

9. Dalam usaha untuk mengukuhkan lagi hubungan perdagangan dengan rakan FTA, di samping penurunan kadar duti import yang dirundingkan, Kerajaan juga merundingkan pelbagai inisiatif bina kapasiti dan kerjasama ekonomi dan teknikal.

10. Seperti contoh, dalam TPPA, Bab IKS khususnya untuk menetapkan mekanisme seperti portal laman web untuk *directory* IKS seluruh anggota TPP dan menubuhkan Jawatankuasa IKS bagi tujuan bina kapasiti komuniti IKS di kalangan TPP. Selain itu, dalam surat sampungan automotif yang ditandatangani dengan Amerika Syarikat dan Kanada, elemen seperti bantuan teknikal untuk industri automotif di Malaysia juga dirundingkan bagi merapatkan hubungan perdagangan bukan sahaja dari segi transaksi tetapi juga kerjasama teknikal.

